

PENGLIBATAN POLITIK

89

Proses pilihanraya diadakan lima tahun sekali di Malaysia. Pada tahun 2007, jumlah daftar pemilih di Malaysia adalah seramai 10,922,139 dan angka ini terus meningkat pada tahun berikutnya iaitu tahun 2008 adalah seramai 10,983,917.

Bagi tahun 2009 daftar pemilih adalah seramai 11,162,549 manakala sehingga 31 Disember 2010, bilangan pemilih adalah seramai 11,834,845.

Sehingga Suku Kedua Tahun 2011, data bilangan pemilih yang telah diwartakan pada 16 Ogos 2011 adalah seramai 12,398,241.

**Sumber : Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (2011)*



Daftar Pemilih Mengikut Negeri Sehingga Tahun 2010

NEGERI	Jumlah Pemilih	Jumlah Pemilih Belia	
		21-29	30-39
Perlis	124,804	19,916	26,066
Kedah	932,672	158,534	209,272
Kelantan	816,979	175,780	196,287
Terengganu	576,168	151,662	141,310
Pulau Pinang	760,956	96,962	159,677
Perak	1,299,959	199,159	274,989
Pahang	662,225	121,316	154,702
Selangor	1,750,926	263,836	424,371
W.P. Kuala Lumpur	722,658	80,916	156,692

NEGERI	Jumlah Pemilih	Jumlah Pemilih Belia	
		21-29	30-39
W.P. Putrajaya	8,886	2,170	2,215
Negeri Sembilan	497,152	77,204	109,788
Melaka	398,491	68,690	91,270
Johor	1,433,158	203,248	331,730
W.P. Labuan	21,612	2,788	4,925
Sabah	848,425	113,263	208,954
Sarawak	979,774	104,363	209,952
Jumlah	11,834,845	1,839,812	2,702,200

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (2011)

Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Politik



Berdasarkan kajian ke atas 5,223 responden berumur 15 hingga 40 tahun, seramai 3,509 responden terdiri daripada mereka yang berumur 21 hingga 40 tahun. Kategori umur 21 hingga 40 tahun merupakan kelompok yang telah layak mendaftar sebagai pemilih.

Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Politik	Peratusan (%)
Mengundi dalam pilihanraya	68.1
Menyertai parti politik	20.3
Meraih undi/menggalakkan orang mengundi	20.9
Memakai lencana dan melekatkan stiker	15
Menyertai perhimpunan politik	5.3
Majlis Makan	34.9
Ceramah	35.1
Menyumbang idea bagi perkembangan negara	25.3

**Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011*

Faktor Penglibatan Belia dalam Politik

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penglibatan belia dalam aktiviti politik. Faktor minat menunjukkan peratusan sebanyak 44.7 peratus. Faktor tradisi keluarga juga mempengaruhi dalam penglibatan belia berpolitik iaitu sebanyak 29.9 peratus.

Selain dari itu, hasil dapatan bagi faktor pengaruh rakan sebaya adalah 22.8 peratus, manakala galakan sistem pendidikan dan pengaruh luar negara masing-masing adalah 29.2 peratus dan 10.2 peratus.

Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Politik	
Faktor	Peratusan (%)
Minat	44.7
Tradisi Keluarga	29.9
Pengaruh Rakan Sebaya	22.8
Galakan Sistem Pendidikan	29.2
Pengaruh Luar Negara	10.2

**Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011*

Skor Indeks Belia Malaysia bagi Sosialisasi Politik



Berdasarkan skor IBM 2011 bagi indikator sosialisasi politik jelas menunjukkan tahap penglibatan belia terhadap proses politik berada pada tahap sederhana baik iaitu sebanyak 35.2.

Sosialisasi Politik Di Kalangan Belia	
Indikator	Skor IBM 2011
Sosialisasi Politik	35.2

**Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011*